

SULIT



PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2016  
ANJURAN BERSAMA  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI PERLIS  
DAN  
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS



PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2016

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Ogos

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

- 1 *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
- 2 *Jawab semua soalan.*
- 3 *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
- 4 *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
- 5 *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah menghadapi tekanan ketika peperiksaan dan peranan ibu bapa untuk mengurangkan tekanan. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Proses penilaian melalui peperiksaan awam yang penting seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara masih relevan. Melalui penilaian inilah pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik dan disokong dengan kecemerlangan dalam bidang koakademik atau kokurikulum mempunyai peluang cerah untuk melanjutkan pengajian di universiti awam. Namun begitu, isu yang paling menarik untuk diperkatakan bukanlah tentang puluhan ribu pelajar yang dapat melanjutkan pelajaran di universiti awam tetapi situasi yang dihadapi oleh pelajar sebelum menjelang kedua-dua peperiksaan penting itu.

Pelbagai ragam pelajar sama ada yang positif atau negatif sebelum menjelang peperiksaan awam termasuklah tekanan perasaan atau stres yang rata-ratanya dihadapi oleh pelajar. Tekanan ialah perkara yang berkaitan dengan ketegangan yang dialami oleh mental atau emosi seseorang disebabkan oleh pelbagai faktor. Pelajar atau remaja perlu mempunyai kemahiran untuk mengatasi masalah tekanan perasaan supaya fokus mereka untuk menghadapi peperiksaan tidak terjejas. Pelajar biasanya mendapat tekanan daripada ibu bapa, guru atau rakan untuk meraih kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan. Dalam konteks ini, pelajar seharusnya berasa tenang dan sentiasa fokus tentang peperiksaan yang akan dihadapi. Ketenangan yang diperlukan tidak akan datang dengan tiba-tiba atau secara terpaksa tetapi akan terzahir apabila pelajar bersedia dengan sebaik-baiknya. Lantaran itu, pelajar perlu melaksanakan perancangan yang sesuai berdasarkan kemampuan dan komitmen mengikut keupayaan sebagai persiapan menjelang peperiksaan. Malahan mereka sepatutnya mengadakan jadual pembelajaran yang sistematik dan boleh diikuti agar tidak mengelabah atau mengalami *kerisauan yang kronik* sebelum peperiksaan.

Tekanan perasaan perlu ditangani dengan segera untuk mengelakkan perkara yang lebih buruk berlaku terutamanya bagi para pelajar. Pelajar perlu memahami Falsafah Pendidikan Negara yang mahu melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial. Oleh itu, mereka seharusnya belajar dalam persekitaran yang menyeronokkan agar emosi mereka berkembang secara natural dan memenuhi keperluan mereka sebagai remaja. Pelajar juga perlu menjauhkan diri daripada perkara yang mampu merosakkan emosi dan ketenangan. Seelok-eloknya pelajar harus mempunyai hala tuju yang konsisten tentang masa depan mereka. Perkara sampingan yang mampu menjejaskan kestabilan emosi seperti hubungan peribadi dengan rakan-rakan, masalah keluarga, masalah dengan guru dan masalah kewangan perlu ditangani dengan bijaksana kerana dikhuatiri mampu menjejaskan tumpuan mereka terhadap peperiksaan.

Sekiranya pelajar menghadapi masalah kritikal yang mampu menjejaskan ketenangan, mereka perlu segera berjumpa dengan guru yang rapat atau kaunselor di sekolah. Guru atau

kaunselor pasti mempunyai kaedah bagi mengatasi masalah ini. Di samping itu, pelajar perlu menjaga kesihatan diri kerana tanpa kesihatan yang baik sukar bagi pelajar untuk mengulang kaji pelajaran dan melakukan latihan intensif dengan baik. Pelajar sepatutnya membanyakkan amalan kerohanian yang dapat memberikan ketenangan kepada jiwa sebagai persiapan penting untuk menghadapi peperiksaan. Kesimpulannya, tugas atau bebanan yang keterlaluan kepada pelajar semata-mata mahu menjadikan mereka cemerlang dalam bidang akademik perlu dielakkan demi melahirkan insan yang cemerlang dari segi ilmu dan akhlaknya.

Dipetik dan diubahsuaikan daripada  
'Tekanan Perasaan Menggugat Peperiksaan'  
oleh Nizar Parman,  
Dewan Siswa, September 2015

### Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

#### Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *kerisauan yang kronik*. [2 markah]
- (ii) Dalam petikan terdapat beberapa perkara sampingan yang mampu menjejaskan kestabilan emosi pelajar.  
Apakah perkara-perkara sampingan tersebut? [3 markah]
- (iii) Sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan menyebabkan pelajar mengalami tekanan yang kronik.  
Huraikan pendapat anda tentang tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membendung masalah ini. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

**Soalan 2 (b) – Petikan Drama**

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SEMUA PELAJAR: Assalamualaikum dan selamat sejahtera, cikgu.

CIKGU DAHARI: Waalaikumussalam dan selamat sejahtera. Semua boleh duduk. Semua dah baca berita tentang murid yang terpilih dan penempatan untuk PLKN?

NORA: Sudah cikgu. Ramai yang terpilih dan kami amat teruja untuk menyertainya. Tak sabar rasanya.

CIKGU DAHARI: Baguslah kalau begitu. Bertuah negara kita punyai remaja seperti kalian. Sentiasa sedia berkhidmat untuk negara.

SUNDARANI: Boleh cikgu terangkan lebih lanjut tentang PLKN?

CIKGU DAHARI: Tentu sekali. Program Latihan Khidmat Negara ataupun nama ringkasnya PLKN merupakan kursus latihan wajib bagi mereka yang baru menamatkan persekolahan di Malaysia. Program ini bertujuan untuk pembinaan sahsiah diri. Bermatlamatkan membina dan mengukuhkan semangat patriotik dalam kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional dan membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni. Program ini bukanlah bersifat kerahan tenaga dan tidak mengikut mana-mana model dari luar kerana dilaksanakan menurut cara Malaysia.

AH TIAU: Apakah objektifnya, cikgu?

CIKGU DAHARI: Tiga objektif yang digariskan, iaitu yang pertama, menanam semangat patriotik dalam kalangan generasi muda atau remaja Malaysia. Kedua, memupuk semangat perpaduan kaum serta integrasi nasional, dan yang ketiga, membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni.

Dipetik daripada drama 'Berkhidmat Untuk Negara'  
oleh Affix Zulkarnaen Adam  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Nyatakan objektif Program Latihan Khidmat Negara. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan generasi muda selain menyertai PLKN? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan drama di atas dan **satu** latar masyarakat yang lain daripada keseluruhan drama. [4 markah]

**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kata sahibulhikayat, maka tersebutlah perkataan Raja Benua Siam. Dari zaman dahulu kala negeri Siam itu Syahrunduwi namanya disebut orang, dan raja-raja di bawah angin ini semuanya takluk kepadanya, dan nama rajanya Bubunnya. Telah kedengaran ke benua Siam bahawa Melaka negeri besar yang tiada takluk kepadanya, maka Paduka Bubunnya pun menyuruh ke Melaka hendak minta surat sembah. Maka Sultan Muzaffar Syah tiada mahu menyembah ke benua Siam. Maka Raja Benua Siam terlalu marah, lalu menyuruh berlengkap untuk menyerang Melaka; Awi Cakri nama panglimanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermanai lagi. Maka dipersembahkan orang ke bawah Duli Sultan Muzaffar Syah bahawa Raja Benua Siam menitahkan hulubalang, Awi Cakri namanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermanai banyaknya, berjalan darat terus ke hulu Pahang.

Maka telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka baginda menyuruh menghimpunkan segala rakyat teluk rantau berhimpun ke Melaka. Dan akan Tun Perak membawa orang Kelang ke Melaka dengan anak isterinya sekali. Maka orang Kelang berdatang sembah kepada sultan, “Ya tuanku, segala teluk rantau yang lain semuanya menghadap dengan laki-laki juga; akan patik sekalian dibawa oleh Tun Perak dengan perempuan sekali.”

Adapun Seri Amerta itu asalnya orang Pasai, tanah Samudera namanya; sebab ia cerdik lagi tahu berkata-kata, maka dijadikan baginda bentara, digelar baginda Seri Amerta. Maka diperbuatkan baginda satu bangku tebal, di bawah lutut baginda, di sanalah ia memikul pedang, ialah yang *menyampaikan titah raja* barang sesuatu.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’  
dalam *Antologi Sejadah Rindu*  
Sasbadi

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menyampaikan titah raja*. [2 markah]
- (ii) Apakah reaksi Raja Benua Siam setelah baginda dimaklumkan bahawa Sultan Muzaffar Syah tidak mahu tunduk kepada baginda? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, wajarkah tindakan Tun Perak mengarahkan orang-orangnya membawa anak isteri bersama-sama untuk berperang? [3 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

**Soalan 2 (d) – Sajak**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**ERTI HIDUP BERERTI**

Aku selalu didatangi  
malam sepi  
bagai kalung  
yang melingkari leherku  
tidak berubah keesokan hari  
siapa yang akan datang menjengukku  
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik  
kehijauan rumput  
hanya menjadi bayangan  
di penjuru ruang zaman  
cinta dalam rahim dilupai  
dari sulung ditendang ke bongsu  
dari angh ditendang ke sulung balik  
kucari erti hidup  
menderita mengerang sakit  
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka  
tiada makna  
anakku bakaku  
baik setia mahupun derhaka  
semoga disirami benih keinsafan  
menjadi penawar dalam hati  
embun cinta atasi angin dingin  
jangan terpegun  
ada yang mati  
ada yang hidup  
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

**TEO WEI SING**

*Antologi Sejadah Rindu*  
Sasbadi

(i) Apakah harapan ibu kepada anaknya dalam sajak tersebut. [2 *markah*]

(ii) Ibu bapa merupakan insan yang perlu dihormati dan disayangi.

Pada pendapat anda, bagaimanakah cara seseorang anak menghormati dan menyayangi ibu bapa? [3 *markah*]

(iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 *markah*]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

## Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap pasangan perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan perbezaan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) merdeka - pascamerdeka
- (ii) siswazah - pascasiswazah
- (iii) sekolah - prasekolah

[6 markah]

(b) *Tulis cakap pindah di bawah dalam bentuk cakap ajuk. Anda dikehendaki mengekalkan susunan ayat.*

Lili menanyakan Dahlia sebab dia nampak murung. Dahlia memberitahu bahawa tiada apa-apa dan kemungkinan dia keletihan kerana bersenam sebentar tadi. Lili menyatakan kesudiannya untuk berkongsi masalah jika Dahlia ada masalah kerana baginya mereka telah lama berkawan. Dengan rasa sedih Dahlia merasakan bahawa dia tidak dapat mengikuti perkhemahan semasa aktiviti kokurikulum nanti. Lili dengan rasa terkejut ingin memastikan sama ada Dahlia yang telah dilantik sebagai ketua semasa aktiviti itu. Dahlia menerangkan yang sebenarnya dia perlu menjaga ibunya yang sedang sakit, tambahan dia merupakan anak tunggal.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Masyarakat digalakkan mengambil pemakanan yang mengandungi karbohidrat, protin dan vitamin dalam diet mereka.
- (ii) Hubungan keluargaan semakin renggang kerana ahli keluarga taasub dengan gadget masing-masing.
- (iii) Pelbagai peluang dibuka oleh kerajaan untuk menarik masyarakat menceburkan bidang agro-pertanian.

[6 markah]



(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Rakyat Perlis terpegun melihat lampu-lampu bergantung sempena sambutan kelahiran Raja Perlis.
- (ii) Dalam majlis penyampaian hadiah nanti, jadual yang telah diberikan oleh guru kami akan patuhi.
- (iii) Anak-anak perlu diluntur sahsiahnya sejak dari kecil supaya menjadi insan yang berguna.

[6 markah]

(e) *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian isikan satu peribahasa yang menggambarkan situasi tersebut.*

- (i) Puan Hamimah berasa kecil hati dengan anaknya yang tidak mendengar nasihatnya walaupun sudah dewasa. Sikap anaknya seperti \_\_\_\_\_
- (ii) Keadaan ekonomi yang tidak menentu memerlukan masyarakat berjimat cermat dan membeli barang-barangan mengikut keperluan sahaja kerana \_\_\_\_\_
- (iii) Nek Kiah \_\_\_\_\_ selepas kematian suaminya walaupun dia mempunyai anak-anak yang tinggal di Kuala Lumpur dan bergaji besar tetapi mengabaikannya.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

**Soalan 4 : Novel**[15 *markah*]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (ii) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
- (iii) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (iv) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- (a) Dalam novel yang dikaji, bahagian peleraian cerita diakhiri dengan kejayaan.

Berdasarkan novel yang anda kaji, jelaskan **dua peristiwa** yang membuktikan kejayaan tersebut. [7 *markah*]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, huraikan **satu persoalan kegigihan watak utama** yang terdapat dalam setiap novel tersebut. [8 *markah*]

**KERTAS SOALAN TAMAT**



PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2016  
ANJURAN BERSAMA  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI PERLIS  
DAN  
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS



PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2016  
BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1  
Ogos  
2 ¼ jam

Dua jam lima belas minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---


Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

**Bahagian A**

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang ciri pemimpin pelajar yang berkualiti. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**Kepimpinan Pelajar**

Mempunyai sahsiah  
yang terpuji

Bertanggungjawab dalam  
melaksanakan tugas

Menjadi contoh  
dan teladan

**Bahagian B**

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Jati diri rakyat Malaysia menjadi teras dan kekuatan dalam menghadapi arus globalisasi.

Huraikan ciri-ciri remaja yang memiliki jati diri yang kukuh.

- 2 Sikap, pengetahuan dan kemahiran membolehkan seseorang itu berjaya dalam bidang keusahawanan.

Ulaskan pernyataan tersebut.

- 3 Kecekapan penggunaan sumber tenaga seperti elektrik, air dan bahan api dalam kehidupan seharian dapat membantu masyarakat ke arah penjimatan.

Jelaskan langkah-langkah menjimatkan penggunaan sumber tersebut.

- 4 Jaringan komunikasi global memanfaatkan masyarakat antarabangsa.

Bincangkan pernyataan di atas.

- 5 Perkataan tajam jika dilepas,  
Ibarat beringin, racun dan upas.

Kalau mulut tajam dan kasar,  
Boleh ditimpa bahaya besar.

Petikan puisi tradisional di atas menjelaskan perlunya seseorang untuk mengelakkan kesilapan dalam tutur kata.

Huraikan pendapat anda tentang kepentingan menjaga tutur kata dalam pergaulan seharian.

SULIT



PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2016  
ANJURAN BERSAMA  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA NEGERI PERLIS  
DAN  
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2016  
Bahasa Melayu  
Kertas 2  
Peraturan Pemarkahan  
Ogos

1103/2 (PP)

---

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Persidangan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah dan Majlis Guru Cemerlang Negeri Perlis. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

Markah penuh Kertas 2 ialah 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- (a) Isi - 20 markah  
 (b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
	4	5	6	7	8	9	10	11	12		
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
<b>Jumlah Markah</b>											<b>20</b>

[Lihat halaman sebel  
SULIT

**Soalan 1 : Rumusan****Pendahuluan****Markah**

Petikan membincangkan usaha/cara/kaedah/strategi/tindakan menghadapi tekanan ketika peperiksaan dalam kalangan pelajar/ di negara ini/di Malaysia. 2

Petikan membincangkan usaha/cara/kaedah/strategi/tindakan dan beberapa perkara sampingan yang mampu menjejaskan kestabilan emosi pelajar. 2

Rumusan ini membincangkan usaha/cara/kaedah/strategi/tindakan menghadapi tekanan ketika peperiksaan dan peranan ibu bapa untuk mengurangkan tekanan. 2

Petikan membincangkan usaha/cara/kaedah/strategi/tindakan menghadapi tekanan ketika peperiksaan. 1

**Isi Tersurat (langkah-langkah menghadapi tekanan ketika peperiksaan)**

1. Pelajar atau remaja perlu mempunyai kemahiran untuk mengatasi masalah tekanan perasaan 2
2. Pelajar seharusnya berasa tenang dan sentiasa fokus tentang peperiksaan yang akan dihadapi 2
3. Pelajar perlu melaksanakan perancangan yang sesuai berdasarkan kemampuan dan komitmen mengikut keupayaan 2
4. Mereka sepatutnya mengadakan jadual pembelajaran yang sistematik dan boleh diikuti 2
5. Mereka seharusnya belajar dalam persekitaran yang menyeronokkan 2
6. Pelajar juga perlu menjauhkan diri daripada perkara yang mampu merosakkan emosi dan ketenangan 2
7. Pelajar harus mempunyai hala tuju yang konsisten tentang masa depan mereka 2
8. Mereka perlu segera berjumpa dengan guru yang rapat atau kaunselor di sekolah 2
9. Pelajar perlu menjaga kesihatan diri 2
10. Pelajar sepatutnya membanyakkan amalan kerohanian yang dapat memberikan ketenangan 2

**Isi Tersirat (peranan ibu bapa untuk mengurangkan tekanan)**

1. Ibu bapa menghantar anak-anak mengikuti kem motivasi 2
2. Ibu bapa menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif 2
3. Ibu bapa memberi dorongan/rangsangan yang positif 2
4. Ibu bapa memberikan ganjaran/hadiah 2
5. Ibu bapa memahami situasi anak-anak yang akan berhadapan dengan peperiksaan 2
6. Ibu bapa memberikan didikan agama yang mantap/semurna 2
7. Ibu bapa membawa anak-anak melancong/riadah/bersenam/rekreasi 2

**Kesimpulan**

Kesimpulannya, semua pihak haruslah membantu pelajar menghadapi tekanan ketika peperiksaan supaya/agar pelajar sentiasa bersemangat tinggi/cemerlang dalam peperiksaan. 2

[Lihat halaman sebel  
SULIT



**Soalan 2(a) : Petikan Umum**

(i) Maksud rangkai kata *kerisauan yang kronik*:

- kebimbangan/keresahan yang serius/kritikal 2
- kerisauan yang serius 1
- keresahan yang kronik 1

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Perkara-perkara sampingan:

P1- hubungan peribadi dengan rakan-rakan

P2- masalah keluarga

P3- masalah dengan guru

P4- masalah kewangan

[Maksimum 2 isi : 3 markah]

(iii) Tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membendung masalah ini:

P1- melaksanakan PBS yang menggabungkan kepelbagaian elemen agar dapat mengurangkan tekanan kepada pelajar

P2- memperkenalkan program 1Murid 1Sukan agar pelajar dapat merehatkan minda

P3- melaksanakan program Bina Insan secara berterusan untuk mengukuhkan jati diri

P4- mewajibkan sekolah melaksanakan aktiviti kokurikulum secara terancang dan sistematik

[Maksimum : 4 markah]

**Hukum 1 :**

**3 isi tanpa huraian = 4 markah**

**Hukum 2 :**

**Isi dan huraian = 2 markah**

**Maksimum = 2 isi**

**Soalan 2 (b) : Petikan Drama**

(i) Objektif PLKN

P1- menanam semangat patriotik dalam kalangan generasi muda/remaja Malaysia

P2- memupuk semangat perpaduan kaum serta integrasi nasional

P3- membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni

**[Maksimum 2 isi : 2 markah]**

(ii) Usaha-usaha yang boleh dilaksanakan selain PLKN

P1- Ibu bapa membawa anak-anak menyertai Sambutan Bulan Kemerdekaan

P2- Ibu bapa membawa anak-anak melancong/melawat tempat bersejarah

P3- Kerajaan melancarkan kempen kesedaran tentang kepentingan semangat patriotik

P4- Media massa menyiarkan rancangan/filem/drama/dokumentari bertemakan semangat patriotik

P5- Pihak sekolah/guru menubuhkan Kelab Rukun Negara/Persatuan Sejarah

P6- Kerajaan mengadakan sambutan Bulan Kemerdekaan pada setiap tahun

**[Maksimum 2 isi : 3 markah]**

(iii) Latar masyarakat dalam petikan :

P1- masyarakat yang sedia berkhidmat untuk negara

contoh: Cikgu Dahari memuji anak-anak muridnya yang sentiasa sedia berkhidmat untuk negara

kerana mereka teruja untuk menyertai PLKN

1 + 1

P2- masyarakat yang berpengetahuan/berilmu pengetahuan

contoh: Cikgu Dahari dapat menjelaskan secara mendalam tujuan dan objektif PLKN

ditubuhkan.

1 + 1

P3- masyarakat yang mempunyai semangat patriotik/cinta akan negara

contoh: Kawan-kawan sekelas Aiman yang terdiri daripada Nora, Syuhada, Ah Tiau dan

Sundarani sangat teruja dan berbangga apabila nama mereka terpilih menyertai PLKN

1 + 1

**[Maksimum 1 isi : 2 markah]**

Latar masyarakat dalam keseluruhan drama :

P1- masyarakat yang kaya.

contoh : Khir Ghazali dan Masnah merupakan golongan yang kaya, berpengaruh dan berkedudukan tinggi dalam masyarakat.

1 + 1

P2- masyarakat yang amanah dan jujur

contoh : Posmen menghantar surat kepada Aiman dan menyambung tugasnya menghantar sura kepada orang lain.

1 + 1

P3- masyarakat yang berpendirian tegas

contoh : Datuk Khir Ghazali tetap dengan keputusannya meminta Aiman menyertai PLKN walaupun dipujuk oleh Aiman dan Masnah.

1 + 1

P4- masyarakat yang sombong dan berfikiran negatif.

contoh: Aiman bongkak akan kekayaan keluarganya dan tidak mempunyai sikap cinta akan negara kerana tidak mahu menyertai PLKN.

1 + 1

[Maksimum 1 isi : 2 markah]

Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Tradisional

(i) Maksud rangkai kata *menyampaikan titah raja*

- Memberitahu/menghabarkan arahan/perintah sultan
- Memberitahu titah raja
- Menyampaikan arahan sultan

2

1

1

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Reaksi Raja Benua Siam

P1- Raja Benua Siam terlalu marah

P2- menyuruh berlengkap untuk menyerang Melaka

P3- melantik Awi Cakri sebagai panglimanya

P4- Awi Cakri membawa rakyat yang sangat banyak/tidak terpermanai

[Maksimum 2 isi : 3 markah]

(iii) Tindakan Tun Perak

Wajar :

P1- bersemangat juang tinggi

P2- keselamatan anak isteri terjamin

P3- sebagai tanda taat setia rakyat kepada raja

P4- mengeratkan ikatan kekeluargaan

Tidak wajar :

P1- keselamatan anak isteri terancam

P2- membebankan/menyusahkan untuk melaksanakan tanggungjawab kepada raja

P3- kos perbelanjaan meningkat

P4- isteri bertanggungjawab menguruskan rumah tangga bukannya ke medan perang

[Maksimum 2 isi : 3 markah]

**Soalan 2 (d) : Sajak**

(i) Harapan ibu kepada anaknya:

P1- anak-anaknya datang menjenguknya

P2- anak-anaknya insaf

P3- anak-anaknya menjadi penenang/penawar hatinya

P4- anak-anaknya mempunyai perasaan kasih sayang dalam hati

[Maksimum 2 isi : 2 markah]

(ii) Cara seseorang anak menghormati dan menyayangi ibu bapa:

P1- mendengar nasihat ibu bapa

P2- belajar bersungguh-sungguh

P3- tidak memalukan/menjaga maruah ibu bapa

P4- bertutur/bercakap dengan sopan

P5- memberikan hadiah/penghargaan sempena hari istimewa

P6- membawa ibu bapa menunaikan haji/umrah/melancong

[Maksimum 2 isi : 3 markah]

(iii) Dua persoalan :

P1- Persoalan sikap anak-anak yang tidak menjalankan tanggungjawab menjaga ibu bapa.  
contoh : Ibu berasa sedih kerana anak-anak tidak memedulikannya ketika dia sakit. 1 + 1

P2- Persoalan kasih sayang seorang ibu kepada anak-anak  
contoh : Ibu tetap mendoakan agar anak-anaknya insaf dan mempunyai perasaan kasih sayang walaupun anak-anak mengabaikannya. 1 + 1

P3- Persoalan kesunyian hidup yang dirasakan oleh seorang ibu  
contoh : Ibu kesunyian kerana anak-anak tidak menziarahinya 1 + 1

P4- Persoalan ketabahan seorang ibu menempuh hari-hari tua  
contoh : Ibu tabah menempuh hari-hari tuanya tanpa kehadiran anak-anaknya/tabah mengering kesakitan seorang diri 1 + 1

P4- Persoalan kesedaran hidup manusia yang tidak berkekalan  
contoh: Penyajak menyatakan bahawa kehidupan manusia tidak kekal kecuali Tuhan 1 + 1

[Maksimum 2 isi : 4 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**  
Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3(a) : 6 markah
- Soalan 3(b) : 6 markah
- Soalan 3(c) : 6 markah
- Soalan 3(d) : 6 markah
- Soalan 3(e) : 6 markah

**Perhatian bagi Soalan 3(a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah .

**Jawapan 3(a)**

- (i) merdeka - bebas daripada penjajah  
- tidak bergantung pada yang lain  
- berdiri sendiri

pascamerdeka - selepas kemerdekaan

- (ii) siswazah - orang yang telah lulus dalam peperiksaan terakhir universiti/orang lulusan universiti

pascasiswazah - penuntut yang meneruskan pendidikan yang lebih tinggi selepas menamatkan ijazah pertama

- (iii) sekolah - tempat untuk belajar dan mengajar/tempat menerima dan memberi pelajaran  
- penuntutan ilmu

prasekolah - sebelum memasuki sekolah/tabika/tadika

**[Maksimum : 6 marka**

**Jawapan 3(b)** Menukarkan cakap pindah kepada cakap ajuk

Lili : Mengapakah kamu nampak murung , Dahlia?

Dahlia : Tidak ada apa-apa, mungkin saya letih selepas bersenam tadi.

Lili : Kalau kamu ada masalah, kongsilah dengan saya, kita sudah lama berkawan.

Dahlia : Em ... rasanya saya tidak dapat mengikuti perkhemahan semasa aktiviti kokurikulum nanti.

Lili : Ha, bukankah kamu telah dilantik sebagai ketua semasa aktiviti itu nanti?

Dahlia : Masalahnya saya perlu menjaga ibu saya yang sedang sakit, lagi pun saya anak tunggal.

[Maksimum : 6 markah]

**Jawapan 3(b)** Membetulkan kesalahan ejaan dan imbuhan

	Kesalahan Ejaan		Kesalahan Imbuhan	
i	protin	protein	pemakanan	makanan
ii	gadget	gajet	keluargaan	kekeluargaan
iii	agro-pertanian	agropertanian	menceburkan	menceburi

[Maksimum : 6 marka

3(d)

	Kesalahan bahasa		Kesalahan Istilah/kata	
i	lampu-lampu	lampu	kelahiran	keputeraan
ii	kami akan patuhi	akan kami patuhi	jadual	atur cara
iii	sejak dari	sejak/dari	diluntur	dilentur

[Maksimum : 6 marka

**3(e) Peribahasa**

(i) mencurahkan air ke daun keladi/mencurahkan garam ke laut/hujan jatuh ke pasir

(ii) ingat sebelum kena, jimat sebelum habis

□

(iii) sebatang kara

[Maksimum : 6 marka

**Soalan 4 (a) – Dua peristiwa kejayaan pada bahagian peleraian**

<b>Novel Jendela Menghadap Jalan</b>	<b>Novel Songket Berbenang Emas</b>
<p>1. Peristiwa kejayaan Lili menyelesaikan masalah keganasan rumah tangga Che Jah. Contoh : Lili telah berjaya menyelesaikan kemelut rumah tangga Che Jah dengan bantuan Puan Hamimah, Pegawai Kebajikan Masyarakat.</p>	<p>1. Peristiwa kejayaan Dahlia melanjutkan pelajaran Jepun. Contoh : Dahlia berjaya melanjutkan pelajaran Jepun walaupun terpaksa mengharungi pelbagai kesusahan seperti kemiskinan hidup keluarga dan masalah keluarga.</p>
<p>2. Peristiwa kejayaan Danel menyiapkan artikel 'Segalanya Tentang Pisang'. Contoh : Danel berjaya menyiapkan berbelas-belas artikel tentang pisang dalam sebuah buku.</p>	<p>2. Peristiwa kejayaan keluarga Dahlia menginsafkan Nek Kiah. Contoh: Nek Kiah yang tidak menyukai keluar Dahlia akhirnya insaf selepas dia dijaga oleh Dahlia dan adik-beradiknya semasa Nek Kiah sakit.</p>
<p>3. Peristiwa kejayaan Rafik dan Haziq menyambung pelajaran. Contoh: Mereka berdua telah berubah dan insaf dengan bantuan datuk Lili. Akhirnya mereka akan menduduki peperiksaan PMR sebagai calon persendirian.</p>	<p>3. Peristiwa kejayaan masyarakat kampung bermuafakat dan bekerjasama semasa banjir besar melanda. Contoh : Penduduk Kampung Haji Rais telah bermuafakat dan bekerjasama membina rumah Embok semula yang musnah akibat banjir. Kaum wan bergotong-royong menyediakan makanan.</p>
<p>4. Peristiwa kejayaan Lili dan Danel menyelesaikan isu kubah. Contoh: Lili dan Danel berasa amat gembira kerana akhirnya mereka berjaya menyelesaikan isu kubah dengan mencadangkan kubah itu diletakkan di masjid baharu yang bakal dibina.</p>	<p>4. Peristiwa kejayaan hubungan Dahlia dengan Azhar. Contoh: Dahlia dan Azhari akhirnya bertunang walaupun menempuh pelbagai dugaan dalam perhubungan mereka.</p>

**Soalan 4 (b) – Satu persoalan kegigihan watak utama**

<b>Novel Jendela Menghadap Jalan</b>	<b>Novel Songket Berbenang Emas</b>
<p>1. Kegigihan menyelesaikan konflik kekeluargaan. Contoh : Lili gigih membantu Che Jah dan anaknya daripada terus menjadi mangsa keganasan Seman.</p>	<p>1. Kegigihan dalam menuntut ilmu Contoh : Dahlia gigih menuntut ilmu walaupun hidup dalam kemiskinan dan menghadapi masalah kekeluargaan seperti ibunya yang sakit dan ayahnya yang dipatuk ular.</p>
<p>2. Kegigihan menangani isu kubah. Contoh : Lili dan Danel gigih berusaha memberikan cadangan untuk menyelesaikan isu kubah yang menjadi konflik penduduk kampung.</p>	<p>2. Kegigihan menguruskan rumah tangga/keluarga Contoh : Dahlia gigih memikul tanggungjawab menguruskan adik-adiknya terutama Anggerik yang masih kecil ketika ibu dan ayahnya dimasukkan di hospital.</p>
<p>3. Kegigihan mencari rahsia jendela menghadap jalan. Contoh : Lili gigih berusaha mencari rahsia tentang sebab-sebab kebanyakan rumah penduduk di Kampung Sentosa mempunyai jendela menghadap jalan.</p>	<p>3. Kegigihan menyelamatkan mangsa lemas Contoh : Dahlia gigih berusaha menyelamatkan Saidan Aton yang lemas di sungai.</p>

[Lihat halaman sebel

SULIT